

Headline	Tiga panel berkaliber kongsi pengalaman Seminar Jihad Bisnes		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	26	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	318 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,285
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,855



## Tiga panel berkaliber kongsi pengalaman Seminar Jihad Bisnes

KUALA LUMPUR 7 Dis. - Tiga ahli panel yang memiliki pengalaman luas dalam bidang perniagaan bakal berkongsi pengetahuan mereka dalam Seminar Jihad Bisnes yang akan berlangsung di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam pada 13 dan 14 Disember ini.

Pengarah Eksekutif Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. (UP&D), Dr. Ahmad Hairi Abu Bakar berkata, panel seminar hasil kerjasama UP&D dengan Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU), UiTM itu akan berkongsi pengalaman dengan peserta untuk memahami perniagaan berteraskan nilai-nilai Islam.

“Tujuan seminar untuk membolehkan peserta memahami nilai-nilai Islam yang perlu diterapkan dalam perniagaan dan bagaimana merancang kewangan secara efektif,” katanya pada sidang akhbar pengumuman seminar itu di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Jaringan Industri UiTM, Prof. Madya Dr. Pisol Maidin merangkap penganjur bersama seminar.

Ahli panel yang terlibat antaranya bekas Presiden Johor Corporation (JCorp), Tan Sri Muhammad Ali Hashim; tokoh perbankan Islam yang juga pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Dr. Zaharuddin Abdul Rahman dan Pengasas Hijrah Wealth Management Sdn. Bhd., Rohani Mohd. Shahir.

Tambah Ahmad Hairi, seminar yang bertemakan ‘Memperkasakan Ekonomi Ummah’ itu juga suatu jihad ilmu yang bertujuan menye-

dakan orang Melayu ke arah memperkasa ekonomi melalui pendekatan ilmiah.

“Dalam era globalisasi ini, usahawan perlu menganjak paradigma dan mengubah suai model-model perniagaan sekiranya mahu meneruskan survival masing-masing,” katanya.

Sementara itu, Pisol berkata, seminar tersebut memberi peluang kepada pihaknya untuk melontarkan idea-idea baru daripada ahli panel kepada pelajar yang bakal terlibat dalam sektor ekonomi kelak.

“Ini satu peluang untuk kami menyebarkan ilmu yang lebih praktikal hasil daripada pengalaman ahli panel, kerana selama ini proses pengajaran lebih kepada ilmu teoritikal,” katanya.

Seminar yang mendapat tajaan daripada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Yapeim), Jamu Mak Dara dan Mydin Holdings Berhad itu terbuka kepada tokoh korporat, usahawan, ahli akademik dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Yuran RM400 dikenakan kepada individu yang berminat menyertai seminar itu, manakala penyertaan berkumpulan melebihi tiga orang dikenakan RM360 setiap peserta manakala penuntut IPT pula hanya RM100 seorang.

Orang ramai yang mempunyai sebarang pertanyaan boleh menghubungi sekretariat seminar di talian 03-92856577 untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Headline	Tiga panel berkaliber kongsi pengalaman Seminar Jihad Bisnes		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Dec 2011	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	26	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	318 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,285
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,855



**DR. Ahmad Hairi (dua dari kanan) bergambar bersama penaja dan Panel utama Muhammad Ali Hashim (tengah), Rohani Mohd. Shahir (tiga dari kanan), Prof. Dr. Pisol Maidin (tiga dari kiri) pada sidang media mengenai Seminar Jihad Bisnes di Ibu Pejabat UP&D, Taman Shamelin, semalam.**